



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

KELUARAN DALAM NEGERI KASAR (KDNK) PERAK, 2025

**Lonjakan sektor Pembuatan pacu pertumbuhan ekonomi Perak
pada tahun 2025**

PUTRAJAYA, 1 JULAI 2026 – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah menerbitkan **KELUARAN DALAM NEGERI KASAR (KDNK) NEGERI PERAK, 2025** yang memperinci penemuan sektoral dan komposisi ekonomi di peringkat negeri.

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "Peningkatan ekonomi Perak pada tahun 2025 dicerminkan melalui nilai KDNK sebanyak RM91.5 bilion berbanding RM86.6 bilion pada tahun 2024 dengan pertumbuhan sebanyak 5.7 peratus."

Dari aspek komposisi ekonomi Perak pada tahun 2025, sektor Perkhidmatan kekal sebagai pemacu utama ekonomi negeri ini dengan sumbangan sebanyak 61.8 peratus. Ini diikuti oleh sektor Pembuatan dan Pertanian yang masing-masing menyumbang 21.1 peratus dan 13.6 peratus. Sementara itu, sektor Pembinaan menyumbang 2.7 peratus manakala sektor Perlombongan & pengkuarian mencatatkan sumbangan sebanyak 0.6 peratus.

Pertumbuhan ekonomi Perak terus disokong oleh sektor Perkhidmatan yang berkembang 3.4 peratus berbanding tahun sebelumnya dengan mencatatkan nilai ditambah berjumlah RM56.6 bilion. Pertumbuhan positif sektor ini didorong oleh peningkatan subsektor Perdagangan borong dan runcit, makanan & minuman dan penginapan sebanyak 3.8 peratus. Subsektor Utiliti, pengangkutan & penyimpanan dan ICT turut meningkat 2.1 peratus.

Sektor Pembuatan pula melonjak 15.2 peratus berbanding tahun sebelumnya (2024: 5.1%) dengan nilai ditambah berjumlah RM19.3 bilion pada tahun 2025. Prestasi cemerlang ini dipacu terutamanya oleh lonjakan ketara dalam subsektor Peralatan pengangkutan, pembuatan lain dan pembaikan yang bertumbuh sebanyak 162.9 peratus. Selain itu, Produk elektrik, elektronik dan optikal terus mengukuh 10.9 peratus berbanding 3.7 peratus pada tahun sebelumnya.

Pada masa yang sama, sektor Pertanian meningkat 1.2 peratus berbanding pertumbuhan 5.1 peratus pada tahun 2024 dengan nilai ditambah sebanyak

RM12.5 bilion. Pertumbuhan ini didorong oleh subsektor Tanaman yang berkembang sebanyak 1.1 peratus (2024: 2.1%). Subsektor Perikanan turut meningkat sebanyak 1.8 peratus.

Sektor Pembinaan terus mengukuh dengan pertumbuhan 8.1 peratus pada tahun 2025 berbanding 11.5 peratus pada tahun 2024, mencatatkan nilai ditambah berjumlah RM2.4 bilion. Pertumbuhan ini didorong oleh pengembangan berterusan dalam Aktiviti pembinaan pertukangan khas sebanyak 24.3 peratus (2024: 33.1%). Walau bagaimanapun, subsektor Pembinaan bangunan menguncup 4.1 peratus berbanding peningkatan 13.5 peratus pada tahun 2024. Di samping itu, sektor Perlombongan & pengkuarian kembali berkembang 7.9 peratus pada tahun 2025 (2024: -1.9%) dengan nilai ditambah berjumlah RM0.5 bilion.


Beralih kepada prestasi KDNK per kapita, Perak merekodkan peningkatan kepada RM41,960 pada tahun 2025 berbanding RM39,057 pada tahun sebelumnya.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan **Banci Ekonomi 2026 (BE2026)** dengan tema “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung dari **5 Januari hingga 31 Oktober 2026**. BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki **tangga pertama (1)** di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Carta 1: KDNK Perak, sumbangan dan pertumbuhan mengikut sektor, 2025



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAWAN MALAYSIA
1 JULAI 2026



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

PERAK GROSS DOMESTIC PRODUCT (GDP), 2025

The surge in the Manufacturing sector drives Perak's economic growth in 2025

PUTRAJAYA, 1ST JULY 2026 – The Department of Statistics Malaysia (DOSM) released the **PERAK GROSS DOMESTIC PRODUCT (GDP), 2025** which highlighted the insights of economic sectoral and structure at the state level.

According to the Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "Perak's economic advancement in 2025 is reflected through the GDP value amounted to RM91.5 billion compared to RM86.6 billion in 2024 with a growth of 5.7 per cent."

From the perspective of Perak's economic composition in 2025, the Services sector remained as the main driver of the state's economy, comprising 61.8 per cent. This was followed by the Manufacturing and Agriculture sectors which accounted for 21.1 per cent and 13.6 per cent respectively. Meanwhile, the Construction sector contributed 2.7 per cent, while the Mining & quarrying sector recorded a contribution of 0.6 per cent.

The economic growth of Perak was supported by the Services sector which expanded by 3.4 per cent compared to the previous year, achieving a value added of RM56.6 billion. This positive growth was fueled by a 3.8 per cent increase in the Wholesale and retail trade, food & beverage and accommodation subsector. The Utilities, transportation & storage and ICT subsector also showed an increase of 2.1 per cent.

The Manufacturing sector surged by 15.2 per cent compared to the previous year (2024: 5.1%), achieving a value added of RM19.3 billion in 2025. This excellent performance was primarily driven by a significant surge in the Transport equipment, other manufacturing and repair subsector, which grew by 162.9 per cent. Additionally, the Electrical, electronic and optical products continued to strengthen by 10.9 per cent compared to 3.7 per cent in the previous year.

Concurrently, the Agriculture sector increased by 1.2 per cent compared to a growth of 5.1 per cent in 2024, with a value added amounting to RM12.5 billion. This growth was driven by the Crops subsector, which expanded by 1.1 per cent (2024: 2.1%). The Fisheries subsector also increased by 1.8 per cent.

The Construction sector continued to strengthen with a growth of 8.1 per cent in 2025 compared to 11.5 per cent in 2024, recording a value added of RM2.4 billion. This growth was driven by the continuous expansion in Specialised construction activities by 24.3 per cent (2024: 33.1%). However, the Construction of buildings subsector contracted by 4.1 per cent compared to an increase of 13.5 per cent in 2024. In addition, the Mining & quarrying sector rebounded by 7.9 per cent in 2025 (2024: -1.9%) with a value added amounting to RM0.5 billion.


In terms of GDP per capita performance, Perak recorded an increase to RM41,960 in 2025 compared to RM39,057 in the previous year.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the **Economic Census 2026 (BE2026)**, with themed “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. The sixth Economic Census, will be carried out from **5th January to 31st October 2026**. BE2026 aims to collect comprehensive and structured data from all registered and unregistered business establishments in Malaysia to assess the nation’s economic performance, structure and characteristics in an evidence-based manner.

Malaysia has, for the first time, successfully secured the **top position** globally in the biennial **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

Chart 1: Perak's GDP, contribution and growth by sector, 2025



Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
1 JULY 2026